



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATUK ZAIDI BIN JOHARI**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS BICARA EKSEKUTIF**  
**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**  
**MELAKA**  
**“MEMACU KECEKAPAN PENTADBIRAN AWAM**  
**NEGERI MELAKA TAHUN 2022”**  
**10 MAC 2022 (KHAMIS)**  
**10.00 PAGI | AUDITORIUM JKMM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit  
Dunia.

Terima kasih diucapkan kepada pengerusi majlis

Yang Berhormat Datuk Abd Aziz bin Engan,  
Penasihat Undang-Undang Negeri;

Yang Berhormat Datuk Salhah binti Salleh,  
Pegawai Kewangan Negeri;

Yang Berusaha Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri dan Persekutuan serta Ketua-ketua Bahagian di Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan serta para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir pada majlis yang cukup besar maknanya. Ini merupakan perjumpaan saya yang pertama kali bersama Ketua-ketua Jabatan negeri Melaka setelah saya menggalas tanggungjawab sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri mulai pada 5 Januari 2022. Insya-Allah, akan saya menunaikan kewajipan ini dengan sebaiknya, berkat kerjasama dan sokongan semua warga penjawat awam Negeri Melaka samada Persekutuan, negeri mahupun agensi Kerajaan.

2. Di kesempatan ini juga saya ingin menyampaikan sekalung ucapan tahniah sekali lagi kepada YAB Ketua Menteri Melaka, barisan EXCO, dan kesemua Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka kerana terpilih membawa suara rakyat bagi penggal ke-15. Semoga para YB dapat menjalankan amanah ini dengan cemerlang.
  
3. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YB Datuk Salhah binti Salleh di atas pelantikan sebagai Pegawai Kewangan Negeri yang baharu yang juga merupakan wanita pertama menjawat jawatan tersebut di negeri Melaka. Sesungguhnya satu penghormatan kepada kaum hawa (*womens empowerment*). Selamat Bertugas.

4. Selain itu, saya juga merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada YBhg. Dato Ts. Kamel Mohamad, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri di atas sumbangan jasa dan khidmat bakti beliau di negeri Melaka. Semoga beliau terus cemerlang di tempat yang baharu.
  
5. Sesungguhnya majlis ini telah dirancang pada awal Februari namun keperluan untuk mendahulukan tugas yang lebih penting, majlis ini hanya dapat dianjurkan pada hari ini. Walaupun dengan sedikit kelewatan ia masih relevan bagi memastikan hala tuju bagi tahun 2022 dikemudi bersama sejajar dengan visi, misi, dan hasrat kerajaan di bawah **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035)**.

6. Saya percaya majlis ini yang juga diatur secara *hybrid* telah mengambil kira langkah-langkah norma baharu memandangkan kita masih berada dalam kitaran membendung wabak Covid-19 iaitu *Omicron* yang sedang menular luas di seluruh dunia.
7. Saya mendoakan agar kita semua dihindari dari penyakit berjangkit ini, sentiasa diberikan kesihatan, kesejahteraan dan keafiatan demi mencari rezeki untuk ahli keluarga tercinta. Marilah kita membudayakan norma baharu dengan *Hashtag*, **#MelakaMestiMenangCOVID19**.
8. Majlis yang dinamakan sebagai Bicara Eksekutif ini adalah sorotan dan susulan daripada Amanat Tahun Baharu 2022 peringkat negeri Melaka

yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka pada 10 Januari 2022, Amanat YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 11 Februari 2022 serta Amanat YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) yang baharu pada 17 Februari yang lalu.

9. Mengupas semula intipati utama Amanat YAB Ketua Menteri Melaka yang lepas, Bicara Eksekutif pada tahun 2022 adalah bertemakan **MEMACU KECEKAPAN PENTADBIRAN AWAM NEGERI MELAKA TAHUN 2022** bertepatan dengan pengumuman YAB Ketua Menteri bahawa tahun ini merupakan **TAHUN KECEKAPAN PELAKSANAAN**.



10. Seperti yang disebut oleh YAB Ketua Menteri yang memetik pesan Nabi Allah Syuaib Alaihis Salam, yang dimaktubkan dalam **surah Hud ayat 88** berbunyi;

***“In Urii-du il-lal Islah... Mas-tho-tho’-tu, ...***

11. Berdasarkan mafhum firman Allah ini, fahamlah kita bahawa... untuk mencapai kejayaan, kita hendaklah **sentiasa melakukan islah... yakni perubahan dan penambahbaikan atau transformasi demi transformasi... untuk membawa kita ke arah kebaikan, ...**

12. Rentetan itu, iltizam saya di sini adalah sama-sama kita menggembeng tenaga dan **melakukan islah** untuk **mengembalikan martabat Melaka sebagai *Venice Of the East* sekaligus memasyhurkan nama negeri sebagai pusat Ketamadunan Islam Serantau.**
  
13. Bukan itu sahaja, malah saya juga mengambil intipati penting dari Amanat Tan Sri KSN yang boleh kita terapkan iaitu prinsip ***S.W.I.F.T*** dalam memastikan keremajaan dalam perkhidmatan awam terutamanya bagi penjawat awam di negeri Melaka dalam menuju ke fasa endemik. Amalan nilai ***S.W.I.F.T*** yang merujuk kepada ***S- Speed*** (kelajuan), ***W- World Class Knowledge*** (pengetahuan kelas dunia), ***I- inspirational*** (inspirasi), ***F- Flexible*** (fleksibel) dan ***T- Technology*** (berasaskan

teknologi) perlu diterapkan dalam setiap pelaksanaan inisiatif kerajaan sepanjang tahun ini dan akan datang.

14. Pada masa yang sama, saya ingin menyeru untuk kita semua menghayati dan menitikberatkan empat perkara yang telah dikenalpasti oleh KPPA sebagai ejen perubahan dalam perkhidmatan awam iaitu **Pertama:** Menyegarkan semula penjawat awam, **Kedua:** Landskap baharu organisasi awam, **Ketiga:** Perkhidmatan awam kalis masa hadapan (*future proof*) dan **Keempat:** Bergerak bersama ke hadapan. Seperti yang disarankan oleh KPPA, penjawat awam merupakan *game changer* bagi mentransformasikan perkhidmatan kerajaan di masa

hadapan.

15. Dalam konteks negeri Melaka pula, aspek **Pemulihan Ekonomi, Rekayasa Sistem Penyampaian Kerajaan** dan **Pengukuran Pencapaian Prestasi** seperti **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** serta **Sasaran Kerangka Kerja (SSK)** menjadi objektif utama yang ditekankan bagi tahun ini selari dengan **Pelan Pemulihan Negara, PPN**.

**“A GOOD SYSTEM SHORTENS THE ROAD TO THE GOAL”**

16. Setiap penjawat awam perlu menjajar semula fungsi organisasi bagi memastikan kebolehlaksanaan perkhidmatan supaya memanfaatkan seluruh masyarakat di negeri Melaka.

**DARIPADA AISYAH R. ANHA, RASULLUALLAH S.A.W BERSABDA**

MAKSUDNYA: SESUNGGUHNYA ALLAH AZZAWAJALLA MENCINTAI  
SESEORANG APABILA DIA MENGERJAKAN SESUATU KERJA,  
DIA LAKSANAKAN DENGAN CEMERLANG

17. Demi memastikan kecekapan perkhidmatan kepada setiap pemegang taruh ataupun ***stakeholder's***, saya memperkenalkan konsep ***R.E.S.; P.O.N.;S.I.V.E (RESPONSIVE)*** yang terdiri daripada **10 nilai utama** dapat diterapkan dalam setiap fungsi teras semua Jabatan dan Agensi di Pentadbiran Kerajaan Negeri.
18. Nilai tersebut adalah:

***R-REVOLUTIONARY (Membuat Perubahan)***

***E-ECONOMIC (Mengoptimumkan Produktiviti)***

***S-STRATEGIC THINKING (Pemikiran Strategik)***

***P-PARTNERSHIP*** (Rakan Strategik)

***O-OUTPUT*** (Output)

***N-NEUTRAL*** (Berkecuali)

***S-SYSTEMATIC*** (Bersistem)

***I-INTEGRITY*** (Integriti)

***V-VISIONARY*** (Berwawasan)

***E-EFFICIENT and EFFECTIVE*** (Kecekapan dan Keberkesanan)

## MODEL RESPONSIVE DALAM MENCAPAI KECEKAPAN

### **R-REVOLUTIONARY (Membuat Perubahan)**

19. Demi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berdaya saing serta mengikuti peredaran zaman, penjawat awam harus bersedia untuk membuat perubahan yakni perkhidmatan akan menjadi lebih lancar. Antaranya mengadaptasi unsur-unsur teknologi seperti **automation** ataupun **Artificial Intelligence (AI)**. Di samping itu, mengubah cara bekerja dan perhubungan dengan rakyat dimana berorientasikan **Internet of Things (IOT)** serta mempraktikkan digitalisasi yang



bertepatan dengan konsep **Digital Melaka** iaitu *Flagship* yang ke-4 menerusi **Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)**.

### ***E-ECONOMIC* (Mengoptimumkan Produktiviti)**

20. Penjawat awam di negeri Melaka perlu menjadi tunjang dengan **mengoptimumkan produktiviti** bagi memastikan pelan dan inisiatif jangka pendek dan jangka panjang negeri direalisasikan. Antaranya adalah kerangka halatuju **Melaka Rumahku, PSMJ 2035, Pelan Smartcity, Transformasi Sejahtera 2035** atau **TS35** dan **Melaka Waterfront Economic Zone (MWEZ)**. Seterusnya **Bajet Negeri Tahun**

**2022** yang menekankan **3 Fokus Utama, 10 Strategi, dan 36 inisiatif** selari dan bertepatan dengan Manifesto kerajaan yang bertemakan **“KESTABILAN DEMI KEMAKMURAN”**.

### ***S-STRATEGIC THINKING (Pemikiran Strategik)***

21. Jabatan dan agensi perlu mempraktikkan **pemikiran strategik** dan agresif melaksanakan dasar-dasar negeri melalui **8 *flagship*** yang telah dirancang oleh kerajaan negeri. Penjawat awam harus menunjukkan komitmen yang tinggi seiring dengan konsep *show your loyalty to the Government of the day*.

## ***P-PARTNERSHIP (Rakan Strategik)***

22. Tidak dapat saya nafikan bahawa kerjasama yang baik telah terbina antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri selama ini telah memberikan banyak faedah kepada masyarakat di negeri Melaka secara khusus. Justeru itu, keharmonian dan komunikasi dua hala yang saya anggap sebagai **rakan strategik** perlu dikekalkan dan sentiasa diharmonikan bagi memastikan keakraban yang terjalin ini utuh.

## ***O-OUTPUT*** (Output)

23. Dalam Amanat Tahun Baharu 2022 yang lalu, oleh YAB Ketua Menteri, beliau turut menekankan berkenaan pembangunan KPI bagi barisan EXCO dalam menilai sasaran perkhidmatan untuk setiap *portfolio* yang dipertanggungjawabkan. Justeru itu jabatan dan agensi perlu memberikan **output** dan bergerak seiring dengan KPI yang telah digariskan.

24. Selain itu, suka saya peringatkan agar meneruskan usaha-usaha untuk mencetus idea-idea baharu dan menjana inovasi berterusan di peringkat jabatan dan agensi supaya memberikan impak membina serta menjadi teladan kepada pentadbiran kerajaan negeri yang lain.

### ***N-NEUTRAL (Berkecuali)***

25. Memupuk nilai **berkecuali** iaitu kecenderungan untuk tidak menyebelahi sesuatu konflik adalah penting bagi seorang penjawat awam agar perkhidmatan yang diberikan sentiasa adil dan saksama. Sila hindarkan

sifat **untuk menjadi populis** dalam perkhidmatan awam kerana anda cenderung menyumbang kepada peningkatan gejala rasuah dalam jabatan Selain itu, kesemua jabatan dan agensi kerajaan negeri mahupun persekutuan hendaklah menghormati dan **menyokong portfolio setiap barisan EXCO dan ADUN yang berkaitan** agar masyarakat berpuas hati dengan perkhidmatan yang disampaikan.

### **S-SYSTEMATIC (Sistematik)**

26. Perkhidmatan yang diberikan perlu **sistematik**. Ini dapat dicapai apabila data pemegang taruh dikemaskini secara berkala bagi mengelakkan

sebarang perkara yang berulang (**redundant**) serta mengurangkan karehah birokrasi yang terlalu tinggi.

27. Pentingnya **penggunaan big data** dalam operasi kerajaan negeri yang mempunyai multidata agar **data analitikal yang disediakan bertepatan** tatkala memudahkan **stakeholder's** membuat keputusan. Hal ini juga bagi menyediakan platform cekap untuk mengakses data secara mudah malah tiada ruang untuk memanipulasi data bagi kepentingan peribadi.
28. Pengurusan yang lebih sistematik dapat dicapai apabila segala keputusan atau perubahan ke atas proses kerja dalam sesebuah

organisasi disokong bersama **data analitikal yang berstruktur.**

## **I-*INTEGRITY* (Integriti)**

29. Dalam kita memberi tumpuan untuk menyampaikan perkhidmatan yang cekap dan pantas, hendaklah kita pastikan bahawa **integriti** selaku penjawat awam sentiasa dijaga. Prosedur yang betul wajib dijadikan sebagai amalan supaya tiada ruang untuk jenayah rasuah berlaku di persekitaran kita bak kata pepatah '**pepat di luar rencong di dalam**' yang bermaksud sikap yang tidak jujur.



30. Setiap tindakan yang diambil bersajikan kepentingan organisasi yang mana selaku penjawat awam kita perlulah berakauntabiliti terhadap setiap perilaku atau keputusan yang dibuat.

### ***V-VISIONARY (Berwawasan)***

31. **Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)** adalah matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi

yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat masyarakat.

32. Susulan itu konsep **Aspirasi Keluarga Malaysia** yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, turut merupakan pemboleh daya dan **kerangka halatuju Melaka Rumahku adalah selari dengan dasar-dasar tersebut**. Ini membuktikan pelan tindakan kerajaan negeri amat **berwawasan** yang bersandarkan halatuju kerajaan persekutuan yang perlu kita sama-sama dukung.

## ***E-EFFICIENT and EFFECTIVE (Kecekapan dan Keberkesanan)***

33. Antara dimensi kecekapan dan keberkesanan yang amat saya hargai adalah apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan Negeri Melaka sebagai contoh terbaik dalam menyalurkan bantuan kepada keluarga yang terjejas akibat banjir sepanjang tahun 2021 dengan pantas. **Ayuh kita berikan tepukan kepada semua pihak yang terlibat. Tahniah saya ucapkan.**

34. Selari dengan saranan KSN berkenaan konsep **World Class Knowledge** saya menyeru YB Datuk-Datuk, YBhg. Datuk-Datuk, YBhg.Datin-Datin/Tuan-tuan dan puan-puan serta semua penjawat awam di Melaka ini kekal menyerlah dengan ketrampilan, tidak bersifat pesimistik disamping menjadi tauladan untuk dihormati.
  
35. Semua penjawat awam hendaklah mempersiapkan diri dengan meningkatkan pembelajaran serta berpengetahuan. Selain itu, penjawat awam juga diingatkan untuk peka dengan persekitaran supaya dapat mengamalkan peraturan dan arahan yang masih berkuatkuasa serta

berkredibiliti untuk menghadapi cabaran atau situasi-situasi genting.

36. Di kesempatan ini, saya juga ingin menegaskan bahawa walaupun Melaka bukan negeri bersultan atau beraja, namun protokol majlis-majlis rasmi hendaklah dipatuhi. Umpamanya jika terdapat di antara ketua-ketua jabatan dijemput untuk menghadap Tuan Yang Terutama Tun, etika berpakaian perlu dititikberatkan seperti memakai songkok.
  
37. Suka juga saya bangkitkan pengamatan saya ketika persidangan dewan yang lepas, dimana saya mendapati sebahagian ketua jabatan yang menghadiri persidangan DUN masih tidak tahu tatacara masuk dan

keluar Dewan. Sebagai tanda menghormati institusi DUN itu sendiri, kita perlu menundukkan sedikit kepala setiap kali masuk dan meninggalkan Dewan. Saya harap semua pihak mengambil perhatian akan perkara ini dan tidak mengulanginya lagi di masa hadapan.

38. Tidak saya nafikan walaupun perkhidmatan kerajaan negeri terkesan dengan pelbagai **Prosedur Operasi Standard (SOP)** semasa pandemik Covid-19 seperti melibatkan limitasi kehadiran penjawat awam secara fizikal ke pejabat, namun **tiada aduan kelewatan** dari segi penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Ini sesuatu perkara yang membanggakan, tahniah dan keep ***it up!***

## PENUTUP

39. Selanjutnya saya percaya penjawat awam dapat menghayati dan menerapkan nilai ***R.E.S.; P.O.N.; S.I.V.E;*** dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Saya percaya tahun 2021 penuh dengan **onak dan duri** namun semua pihak telah menunjukkan prestasi yang cemerlang bak kata pepatah, **sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk.**

40. Tahniah juga diucapkan kepada semua pihak atas pelbagai kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2021. Saya berharap ketua jabatan dan penjawat awam wajar melipatgandakan usaha bagi memperkukuh integriti dan tadbir urus organisasi agar dapat terus menempa kejayaan baharu dalam tahun 2022.
41. Inshaa Allah, setiap permasalahan ada jalan penyelesaian, **bermusyawarahlah**. Segala pandangan, dan cadangan dari semua pihak juga perlu kita bawa ketengah untuk dibincangkan agar konsep ***sense of belonging*** dapat dirasai oleh setiap susuk tubuh yang berkhidmat di negeri Melaka.



42. Saya percaya bahawa curahan jasa bakti dan budi oleh YB Datuk, YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan selama ini akan terus dikenang dan menjadi kayu ukur bagi perkhidmatan awam di negeri Melaka pada masa akan datang.
43. Izinkan saya mengakhiri Bicara Eksekutif Tahun 2022 bertema, **MEMACU KECEKAPAN PENTADBIRAN AWAM NEGERI MELAKA TAHUN 2022** pada hari ini dengan serangkap pantun:

**Kesidang harum di tepi bucu,  
Kelopak putih berhamburan;  
Kecekan penjawat awam terus dipacu,  
Meningkatkan mutu dalam pentadbiran.**

Tidak juga saya lupakan...**Selamat Hari Wanita** diucapkan kepada semua penjawat awam bergelar W.A.N.I.T.A!

Sekian, Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT.